



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 ( 15 )

Tarikh: 17 Julai 2012

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PRA- PELANCARAN SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA 2012

**Kuala Lumpur, 17 Julai 2012** - Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan majlis pra - pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012 pada pagi ini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mendekati orang ramai dengan memperkenalkan apakah itu Hari Habitat menerusi pameran di majlis pra-pelancaran ini. Aktiviti sambutan juga ini telah diatur di pelbagai lokasi sehingga 1 Oktober 2012. Kemuncak Sambutan Hari Habitat Sedunia ialah pada 1 Oktober 2012 (Isnin) iaitu Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012 bertemakan **CHANGING CITIES, BUILDING OPPORTUNITIES**. Hari Habitat ini disambut bagi mengingatkan penduduk dunia tentang kepentingan penempatan manusia dan kemudahan asas yang mencukupi bagi semua masyarakat .

Sambutan Hari Habitat Sedunia adalah satu sambutan peringkat global yang telah diperkenalkan sejak tahun 1986 dan dianjurkan oleh semua negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), *United Nations Human Settlements Programme/UN-HABITAT* bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan membangunkan petempatan manusia yang selesa dan kondusif. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dilantik sebagai *National Focal Point* Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 1985 untuk menyelaraskan semua aktiviti yang berkaitan *UN-HABITAT* di Malaysia.

Menerusi pameran dan aktiviti ini, KPKT mempamerkan aktiviti yang dijalankan oleh KPKT dengan kerjasama agensi Kerajaan dan swasta dalam merealisasikan visi *UN-Habitat* seperti *Project House Build*, Pertandingan *Photojournalism*, Program

3R, Program Ikrar Sedetik Habitat 1 Malaysia, Habitat Magazine dan Seminar Hari Habitat Sedunia 2012. Antara aktiviti Sambutan Hari Habitat yang menawarkan hadiah yang menarik ialah Pertandingan *Photojournalism* di mana hadiah yang ditawarkan ialah antara RM3000 - RM1000 dan Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat 2012 .Majlis pada pagi ini diturut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KPKT, *UN-Habitat Malaysia* dan pegawai kanan KPKT, agensi kerajaan dan swasta.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tel: 03-8891 5555 Faks 03-8891 5557 E-mail [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)